

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA
TARIKH	:	23/9/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
MUKA SURAT	:	65

T. SUBROMANIAM melihat dua ekor anak orang utan antara 435 spesies haiwan yang diselamatkan dalam satu operasi bersepadu di perairan Kuala Perlis, semalam. - MINGGUAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI



Gagal seludup 435 haiwan

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

utusanperlis@utusan.com.my

■ KANGAR 22 SEPT.

PERJALANAN tiga hari dua malam sebuah bot yang mengandungi 435 spesies haiwan dilindungi termasuk anak orang utan bernilai lebih RM500,000 ke negara jiran gagal apabila ditahan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), semalam.

Bot yang dinaiki tiga lelaki warga Indonesia berusia 40

hingga 50 tahun itu ditahan ketika anggota dari cawangan Penguatkuasaan Kastam Marin Kuala Perlis membuat rondaan di perairan Malaysia-Thailand pukul 12.35 tengah malam.

Haiwan tersebut diseludup dari Sumatera, Indonesia dengan melalui perairan negara ini sebelum transit ke Thailand untuk dijadikan haiwan peliharaan.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri T. Subromaniam berkata, pihaknya melihat sebuah bot dinaiki tiga suspek berkenaan dalam keadaan mencurigakan

sebelum bertindak menahannya.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan mendapati terdapat 39 kotak terdiri daripada 435 ekor haiwan dan unggas seperti dua ekor anak orang utan, anak musang albino, burung cenderawasih, burung alba cockatoo, anak buaya tembaga, burung electus parrot; burung bayan nuri serta burung kuang raya betina.

“Mereka (suspek) gagal mengemukakan dokumen berkaitan barangan yang dibawa dan dikatakan sudah menempuh perjalanan selama dua hari tiga malam sebelum ditahan,”

katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Tambah beliau, bot tersebut dibawa balik ke pejabat Kastam Cawangan Penguatkuasaan Marin Kuala Perlis untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.

Menurut beliau, kesemua suspek akan direman sebelum dihadapkan ke mahkamah mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) di bawah Seksyen 68(1)(a) iaitu memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi.